

# Keselamatan wanita perlu penambahbaikan undang-undang

» Keganasan terhadap golongan Hawa masih meluas, halang capai pembangunan

Setiap tahun, ada saja kes mengenai insiden keganasan terhadap wanita yang dilaporkan kepada pihak berkuasa mahupun aduan kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang memberi perlindungan terhadap mangsa keganasan dalam negara kita.

Perlu diketahui umum, keganasan terhadap wanita adalah batu penghalang dalam usaha untuk mencapai kesaksamaan, pembangunan dan kesejahteraan dalam sesebuah masyarakat. Ia membawa impak besar kepada mangsa

sama ada dari sudut kecederaan fizikal, seksual ataupun psikologi wanita terbabit.

Keganasan terhadap wanita merangkumi bentuk fizikal, seksual ataupun psikologi yang boleh berlaku dalam sesebuah keluarga. Ini termasuklah kejadian seperti keganasan rumah tangga,

seks sumbang mahram, rogol pasangan dan keganasan terhadap pembantu rumah yang rata-ratanya wanita.

## Garis panduan dikeluarkan

Keganasan berbentuk fizikal, seksual atau psikologi bukan saja berlaku di rumah tetapi boleh juga berlaku di tempat awam, termasuk di tempat kerja.

Pelbagai jenis peruntukan undang-undang sudah digubal oleh kerajaan bagi membendung isu keganasan terhadap wanita,

terutama melindungi golongan Hawa di tempat kerja.

Bagi peraturan khas untuk pegawai awam, misalnya kerajaan mewujudkan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan) 2002.

Peraturan 4A (1) memperuntukkan, seseorang pegawai awam dilarang melakukan gangguan seksual iaitu (a) Cubaan merapati/meminta layanan seksual; (b) melakukan perbuatan bersifat seksual menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.

Pada tahun 2005, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sudah memperkenalkan satu pekeling untuk penjawat awam iaitu 'Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam' bagi terus memelihara aspek keselamatan di tempat kerja di sektor awam dengan lebih berkesan lagi.

Sementara itu, pada hujung tahun 2012, satu usul dikemukakan bagi mengenakan peraturan melarang ahli Parlimen daripada mengeluarkan sebarang kenyataan yang berunsur seksisme. Perenggan 4 dalam Peraturan Mesyuarat 36 dipinda dengan memasukkan ayat 'atau membuat perkataan yang seksis' selepas perkataan 'biadap'.

Peraturan itu, sekali gus menjadikan Peraturan Mesyuarat 36(4) di Parlimen berbunyi "Adalah menjadi kesalahan bagi ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan (biadap) atau membuat pernyataan yang seksis".

## Mangsa dilindungi

Disebabkan masalah gangguan seksual meluas dan bukan saja tertumpu dalam kalangan kakitangan awam, Kementerian Sumber Manusia melancarkan



'Kod Amalan untuk Mencegah dan Memasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja' pada tahun 1999, khusus untuk pekerja swasta.

Bagi undang-undang buruh pula, penggunaan seksyen 20(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan Kesihatan Pekerja 1994 boleh digunakan bagi mendapatkan pampasan untuk si penerima atau mangsa apabila sesuatu keganasan berlaku di tempat kerja.

Bermula 1 April 2012, Pindaan Akta Kerja 1955 memasukkan satu bahagian baharu untuk gangguan seksual iaitu Bahagian XVA Seksyen 81A sehingga 81G. Majikan dan kakitangan yang berhadapan masalah gangguan seksual di tempat kerja, akan dilindungi apabila majikan diwajibkan menyiasat aduan berhubung kes berkenaan melalui pindaan Akta Kerja 1955 terbabit.

Kanun Keseksaaan pula memperuntukkan, banyak seksyen yang berkaitan bagi melindungi wanita di tempat kerja. Seksyen 509 Kanun Keseksaaan misalnya, membabitkan penggunaan perkataan, isyarat atau bunyi yang dianggap tidak sopan, manakala Seksyen 354

Kanun Keseksaaan membabitkan insiden menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah dengan niat mahu mencabul kehormatan.

Bagi Seksyen 355 Kanun Keseksaaan, ia memperuntukkan insiden menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah dengan niat menjatuhkan kehormatan seseorang.

## Fikirkan aspek penambahbaikan

Walaupun banyak undang-undang sudah diwujudkan bagi memelihara keselamatan wanita terutama di tempat kerja, kerajaan perlu juga memikirkan aspek penambahbaikan undang-undang terbabit dari semasa ke semasa sesuai dengan peredaran zaman.

Pejabat atau tempat kerja kini perlu dilengkapi sistem kawalan keselamatan terkini yang canggih untuk menjaga aspek keselamatan pekerja terutamanya wanita pada

sepanjang masa.

Selain peruntukan undang-undang, aspek kesedaran dan pendidikan juga harus diberikan kepada lelaki untuk lebih menghormati serta menghargai golongan Hawa.

Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah daripada rebungunya, aspek kesedaran dan pendidikan ini hendaklah diberi sejak di bangku sekolah lagi. Kementerian berkaitan boleh memikirkan cara untuk mendidik setiap kanak-kanak mengenai hak gender melalui subjek berkaitan.

Subjek Agama Islam atau Pendidikan Moral juga boleh digunakan sebagai saluran penting bagi menyalurkan pendidikan dan maklumat mengenai kepentingan aspek menghormati serta melindungi wanita.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW